

Pengebom berani mati ganti senjata canggih

BH 20/12/03

DAMSYIK: Segelintir umat Islam bertindak menjadi pengebom berani mati sehingga membunuh orang awam dan dicap sebagai penganas, kerana mereka tidak memiliki senjata lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sebaliknya rejim Israel dapat mengelak daripada dituduh melakukan keganasan kerana mereka mempunyai cara tersendiri iaitu senjata yang lengkap.

"Mereka membunuh tetapi tidak dilinat sebagai melakukan tindakan keganasan. Pejuang Palestin tidak mempunyai pesawat udara, tiada kereta kebal, mereka tidak mempunyai apa-apa.

"Cara mereka melawan ialah dengan cara apa yang telah mereka lakukan. Mereka mungkin melakukannya dengan menjadi pengebom berani mati," katanya ketika berdialog dengan kira-kira 200 ulama dan tokoh Islam dari pelbagai institusi terkemuka Syria di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur.

Dr Mahathir berkata, Israel dan Amerika Syarikat mempunyai pilihan untuk melakukan tindakan yang dilihat tidak dianggap ganas dengan meledakkan bom ke atas orang awam, hospital dan sebagainya.

Beliau bagaimanapun berkata, membunuh orang yang tidak berdosa atas sikap marah, adalah perbuatan yang salah. Jika ada cara lain, ia perlulah dielakkan.

"Kita tahu ramai orang berjuang bagi mendapatkan kebebasan negara mereka. Malangnya, sewaktu melakukan tindakan itu, mereka mungkin melakukan tindakan keganasan.

"Mereka melakukan perbuatan itu kerana tidak ada jalan keluar. Itulah satu-satu caranya mereka boleh melawan kerana mereka mempunyai senjata yang kurang daripada musuh mereka.

"Kita tidak mahu pejuang kemerdekaan dipanggil penganas. Tetapi, kita terpaksa menerima hakikat bahawa sesetengah tindakan seperti membunuh orang awam yang langsung tidak ada kena mengena dengan perjuangan mereka, adalah tindakan keganasan," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan, Malaysia pernah menganjurkan persidangan dunia untuk mencari definisi keganasan malangnya tidak mendapat persetujuan.